

NO. SOALAN: 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL MANAN BIN ISMAIL**

**TARIKH : 30 MAC 2017**

**RUJUKAN : 9685**

**SOALAN:**

**Dato' Haji Abdul Manan Bin Ismail [ Paya Besar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bentuk pembaharuan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) serta peranan anggota RELA dalam membanteras komoditi bersubsidi yang diseludup keluar dari negara kita.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, sejak penubuhan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) 45 tahun yang lalu, beberapa pembaharuan termasuk menggerakkan inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) telah dilaksanakan. Antara pembaharuan dan inisiatif tersebut adalah seperti berikut:**

- i. Memperluaskan peranan RELA berlandaskan kepada perkhidmatan kepada rakyat, kos efektif dan pelaksanaan pantas;**
- ii. Memperkemaskan semula imej Jabatan melalui pemakaian Pakaian Operasi Digital (POD);**
- iii. Memantapkan disiplin, integriti dan akauntabiliti warga RELA melalui Pelan Integriti Organisasi RELA yang telah dilancarkan pada 11 Februari 2017;**
- iv. Mengemaskinikan struktur organisasi Jabatan melalui penstrukturan gred jawatan baru Pegawai;**

- v. **Melebarkan Program Bakti RELA dalam meningkatkan kesejahteraan dan keharmonian rakyat;**
- vi. **Mengaktifkan semula Pusat Khidmat Komuniti RELA (PKKR) yang terpilih bagi melancarkan operasi, program, aktiviti, keselamatan, kemasyarakatan dan kemanusiaan di kawasan setempat;**
- vii. **Meningkatkan pelaksanaan latihan kepada anggota RELA melalui Kursus Pengenalan dan Kursus Asas RELA serta membangunkan *Crisis Management Team* (CMT) Pegawai Tetap Jabatan;**
- viii. **Pembangunan Modal Insan dalam memantapkan pengurusan Jabatan dan konsolidasi platun di setiap daerah; dan**
- ix. **Meremajakan RELA dengan penambahan anggota daripada generasi muda.**

**Berhubung dengan peranan Anggota RELA dalam membanteras komoditi bersubsidi yang diseludup keluar dari negara kita, pada tahun 2012 dan 2013, RELA pernah diberi tanggungjawab untuk membantu Kerajaan membanteras penyeludupan minyak petrol RON95 dan minyak diesel bersubsidi di stesen-stesen minyak berhampiran sempadan Malaysia-Thailand dan sempadan**

**Malaysia-Singapura. Peranan tersebut telah dihentikan apabila peruntukan untuk membayar elaun petugas tidak mencukupi.**

**Terkini, RELA telah diarahkan untuk membantu Kerajaan menangani masalah penyeludupan di sempadan Sabah-Indonesia dan Sarawak-Indonesia yang mana cadangan tersebut sedang diperhalusi.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAPAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG  
[ KLUANG ]**

**SOALAN : 31**

**Tuan Liew Chin Tong [ Kluang ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan berkenaan projek landasan kereta api berkembar Gemas-Johor Bahru :-**

- (a) tarikh projek dijangka mula dan jangkaan siap pembinaan dan nilai kontrak yang ditandatangani dengan kontraktor utama Konsortium CREC-CRCC-CCCC; dan
- (b) apakah pertimbangan Kerajaan dalam memberi pengecualian syarat kepada Konsortium CREC-CRCC-CCCC memandangkan dasar Kerajaan selama ini tidak membenarkan syarikat milik asing 100% menjadi kontraktor utama untuk projek infrastruktur awam tanpa "joint venture" dengan syarikat tempatan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Landasan Berkembar Elektrik dari Gemas ke Johor Bahru telah diberi milik tapak pada 1 Disember 2016 dan jangkaan siap pembinaan pada 30 November 2020 . Nilai kontrak yang ditandatangani oleh kontraktor utama iaitu Konsortium CRCC CREC CCCC adalah RM8,900,000,000.00.
  
- b) Kontrak Projek Landasan Berkembar Elektrik dari Gemas ke Johor Bahru telah menetapkan bahawa 50% daripada nilai kerja diberi kepada kontraktor tempatan. Buat masa ini, Kerajaan dalam proses penilaian kontraktor tempatan yang berwibawa untuk melaksanakan kerja tersebut.